

# Rakyat hargai jasa Mahathir

JUM 28 JUL

Oleh ZULKIFLI JALIL  
dan YUSRI SAHAT

KUALA LUMPUR 27 Julai — Lebih 40,000 orang menghadiri perhimpunan *Satu Bangsa Kasih Sernua* di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini malam ini untuk menyatakan penghargaan rakyat kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad sempena 21 tahun keemerlangan beliau memimpin negara.

Penghargaan kepada kepimpinan Dr. Mahathir dioerlihatkan sejak awal ketibaan beliau lagi dengan laungan 'Datuk Seri, Datuk Seri' oleh para hadirin yang berdiri sambil memberi tepukan gemuruh.

Perdana Menteri dan isteri Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali kemudian diarak mengelilingi trek stadium dengan jip sambil diberi tepukan gemuruh. Dr. Mahathir dan isteri pula melambai-lambaikan tangan ke arah orang ramai.

Para hadirin juga mengibarkan bendera Malaysia.

Dr. Mahathir ketika berucap pada majlis itu berkata, beliau tersentuh hati melihat rakyat pelbagai kaum beramai-ramai berkumpul bukan atas fahaman politik tetapi sebaliknya atas kehendak sendiri sebagai satu bangsa.

"Saya bersyukur majoriti rakyat menyokong kerajaan terutama kepimpinan saya.

"Saya percaya anda semua akan memberi sokongan serupn kepada pengganti saya kelak. Apa yang penting adalah dasar dan sikap yang kita ikuti," katanya.

Perhimpunan perpaduan raksasa rakyat malam ini adalah untuk menunjukkan penghargaan rakyat terhadap keamanan dan kemakmuran yang dikecapi negara hasil kepimpinan Perdana Menteri

Ita dianjurkan oleh Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM); Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM); dan Persatuan



Kebangsaan Ejen-Ejen Insurans Hayat dan Perancang Kewangan Profesional Malaysia (NAMLIFA).

Menurut Dr. Mahathir, apa yang penting dalam sokongan berterusan rakyat kepada penggantian ialah meneruskan dasar dan sikap rakyat yang berpegang kepada keharmonian kaum.

Katanya, dasar perkongsian kuasa dan tidak tamak hanya untuk kepentingan kaum tertentu perlu dipertahankan.

Dalam hubungan ini, beliau menarik perhatian kepada pentingnya rakyat berusaha untuk mencapai taraf negara maju menjelang 2020.

Menyentuh gagasan itu, Dr. Mahathir menarik perhatian bahawa ramai orang asing mendakwa Malaysia tidak perlu menunggu sehingga 2020 untuk mencapai status negara maju.

"Mereka berpendapat Malaysia sudah pun menjadi negara maju sekarang...

"Bagi kita, negara masih belum maju. Banyak tempat ketinggalan seperti di luar bandar dan negeri-negeri tertentu masih tertinggal di belakang," katanya.

Tegas Dr. Mahathir, sebenarnya tidak mencukupi jika sekadnr mahu melihat Kuala Lumpur sama taraf dengan ibu kota negara-negara maju.

Sebaliknya, kerajaan mahu melihat semua wilayah mencapai kemajuan yang sama dan seimbang.

"Saya yakin dengan semangat cintai, prihatin dan kasih yang ditunjukkan oleh rakyat Malaysia, kita boleh membangunkan seluruh negara kita dari Sabah hinggalah ke Perlis.

"Tidak ada wilayah akan ketinggalan, sebaliknya semua wilayah membangun sama sebagai negara maju," tambah beliau.

Menurut Dr. Mahathir lagi, beliau amat bersyukur kerana perhimpunan malam ini diuruskan oleh rakyat sendiri tanpa diperalatkan oleh kerajaan atau parti-parti politik.

"Saya gembira dengan sokongan rakyat selama 21 tahun mentadbir negara, tidak mungkin saya seorang boleh memerintah tanpa aokongnn majoriti rakyat," ujar beliau.